

▲ **8 Mac 2014** - MH370 membawa 227 penumpang dan 12 kru berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Beijing jam 12.41 tengah malam.

▲ **8 Mac 2014** - MH370 yang sepatutnya tiba di Beijing 6.30 pagi hari sama hilang dari radar sejam selepas berlepas ketika merentas Laut China Selatan.

▲ **9 Mac 2014** - Radar Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) menunjukkan kemungkinan sebuah pesawat yang tidak dikenal pasti berpatah balik.

▲ **11 Mac 2014** - Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dilancarkan di Selat Melaka.

▲ **12 Mac 2014** - Operasi SAR diperluas ke selatan Thailand dan Laut Andaman.

## Kronologi

# Kehilangan MH370

BH  
6/8/15  
mls 6

siasan kepada empat bidang iaitu kemungkinan rampasan, sabotaj, keadaan psikologi penumpang dan anak kapal serta masalah peribadi mereka.

▲ **17 Mac 2014** - Operasi besar-besaran SAR membabitkan 26 negara meliputi kawasan seluas 2.24 juta batu nautika dilancarkan.

▲ **24 Mac 2014** - Najib Razak mengumumkan penerbangan MH370 berakhir di selatan Lautan Hindi.

▲ **25 Mac 2014** - Operasi SAR ditumpukan di selatan Lautan Hindi berikutan petunjuk terbaru dan pencarian di koridor utara dihentikan.

▲ **1 Mei 2014** - Kementerian Pengangkutan mengeluarkan laporan awal kehilangan MH370, termasuk senarai kargo dan rakaman audio antara kokpit dengan ATC Kuala Lumpur.

▲ **14 Mac 2014** - Operasi SAR diperluas ke Lautan Hindi.

▲ **15 Mac 2014** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengesahkan pesawat yang dikesan berpatah balik oleh radar TUDM pada malam kejadian ialah MH370.

▲ **15 Mac 2014** - Operasi SAR fokus di koridor utara dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan ke utara Thailand, dan koridor selatan dari Indonesia ke selatan Lautan Hindi, manakala SAR di Laut China Selatan ditamatkan.

▲ **16 Mac 2014** - Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, menjuruskan



▲ **29 Januari 2015** - Kerajaan Malaysia isytihar semua penumpang pesawat MH370 terkorban.

▲ **18 Jun 2015** - Pencarian MH370 di Lautan Hindi diperluaskan ke zon tambahan meliputi 60,000 kilometer persegi.

▲ **29 Julai 2015** - Komponen sayap dipercayai 'flaperon' ditemui di pesisir pantai Pulau Reunion di Lautan Hindi, dikaitkan dengan MH370 oleh sekumpulan penyelidik ekologi.

▲ **31 Julai 2015** - Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Aziz Kaprawi mengesahkan 'flaperon' yang ditemui antara komponen pesawat Boeing 777.